

ANALISIS KESAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN TERHADAP KOMUNITI DI PARIAMAN BERDASARKAN PENDEKATAN SUSTAINABLE DEVELOPMENT

(ANALYSIS OF IMPACTS OF TOURISM INDUSTRY DEVELOPMENT IN PARIAMAN
COMMUNITY BASED ON SUSTAINABLE DEVELOPMENT APPROACH)

Ridho Laksamana JU¹
Doris Padmini Selvaratnam²

Abstract

Tourism industry development will have an impact on economic growth, preservation of natural resources, social and cultural life of local communities. The objective of this study is to analyse the impacts of the tourism industry development in Pariaman community based on Sustainable Livelihood approach. This approach uses five indicators to measure the impact of tourism development on the community namely human asset, economic asset, social asset, natural asset and institutions asset. This study using questionnaires, observations and interviews. Questionnaire involving 135 respondents who live in tourist areas that have been carried out in November-December 2015. The study found that the development of tourism in Pariaman bring improvement to the human, social, economic, natural and institutions assets. However the development of tourism also brings negative effects on social assets.

Keywords: *Sustainable Livelihood, Community, Tourism*

Abstrak

Pembangunan industri pelancongan akan memberi kesan terhadap pertumbuhan ekonomi, pemeliharaan sumber daya alam dan juga kehidupan sosial budaya masyarakat tempatan. Objektif kajian ini adalah menganalisis kesan pembangunan industri pelancongan terhadap komuniti di Pariaman menggunakan pendekatan “Sustainable Livelihood”. Pendekatan ini menggunakan lima indikator pengukur untuk melihat kesan pembangunan pelancongan terhadap komuniti iaitu aset manusia, ekonomi, sosial, semula jadi dan institusi. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, pemerhatian dan temubual. Soal selidik melibatkan 135 responden yang tinggal di kawasan pelancongan yang telah dilakukan pada November-Disember 2015. Kajian mendapati bahawa pembangunan pelancongan di Pariaman membawa peningkatan kepada aset manusia, sosial, ekonomi, semula jadi dan juga institusi. Walau bagaimanapun pembangunan pelancongan juga membawa kesan negatif kepada aset sosial.

Kata Kunci: *Sustainable Livelihood, Komuniti, Pelancongan*

2016 GBSE Journal

¹ Pelajar Siswazah, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Tel: +60196913854 E-mail: ridhojasri@yahoo.com

² Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Tel: +60389215775 E-mail: pegasus@ukm.edu.my

Pengenalan

Pelancongan dunia telah berkembang pesat sejak tahun 1950 sehingga sekarang. Industri ini mengalami peningkatan yang cukup tinggi dengan pertumbuhan tahunan sebesar 4.4%. Menurut World Tourism Organization, pada tahun 1950 pelancongan antarabangsa hanya berjumlah 25 juta orang di seluruh dunia dan pada tahun 2014 jumlah ini telah menjadi 1,135 juta pelancong (WTO, 2014). Urutan bahagian ketibaan pelancong dan pendapatan terbesar di dunia menurut kawasan adalah Eropah, Asia Pasifik, Amerika, Afrika dan Timur Tengah.

Sebagai negara kepulauan, potensi Indonesia untuk mengembangkan industri pelancongan adalah sangat besar. Perkembangan industri pelancongan tidak hanya memberi kesan kepada pendapatan negara tetapi juga boleh memperluas dan menciptakan pekerjaan baharu bagi masyarakat. Indonesia merupakan negara kepulauan yang sebahagian besar wilayahnya adalah lautan. Pelancongan di Indonesia merupakan sektor ekonomi penting di Indonesia. Pada tahun 2009, pelancongan menduduki tempat ketiga dalam hal penerimaan pertukaran wang asing selepas komoditi minyak, gas bumi serta minyak kelapa sawit. Berdasarkan data pada tahun 2014 menurut badan statistik Indonesia, jumlah pelancong luar negara yang datang ke Indonesia sebanyak 9.4 juta lebih atau tumbuh sebanyak 7.05% berbanding tahun sebelumnya.

Begitu juga dengan Pariaman, Pariaman merupakan suatu bandar yang terletak 56KM dari ibu negeri Sumatera Barat iaitu Padang. Pariaman mempunyai pantai landai dengan pesona yang indah, saat ini resort pelancongan telah diselesaikan oleh kerajaan tempatan dalam usaha pembangunan sektor pelancongannya. Objek wisata pantai Pariaman diantaranya adalah pantai Gandoriah yang terletak di depan stesen kereta api Pariaman, Pantai Kata di Teluk Karan Aur, Pantai Cermin di Karan Aur, Pantai Belibis di Naras dan juga Pariaman mempunyai Pusat Penetasan Penyu pertama dan satu-satunya di Sumatera Barat yang terletak di Pantai Penyu. Selain itu Pariaman mempunyai 5 (lima) pulau kecil yang tak berpenghuni yang dibangun sebagai destinasi pelancongan oleh kerajaan tempatan diantaranya Pulau Angso Duo, Pulau Kasiak, Pulau Tangah, Pulau Ujung dan Pulau Gosong. Prospek pelancongan menunjukkan trend yang meningkat daripada masa - ke semasa dan dengan potensi pelancongan Indonesia yang besar menyebabkan pembangunan pelancongan meningkat di Indonesia. Salah satu potensi pelancongan yang boleh digunakan untuk menyokong pembangunan pelancongan adalah taman pelancongan alam semula jadi, seperti pulau, pantai dan gunung.

Pada tahun 2012 jumlah pelancong domestik yang berkunjung ke Pariaman sebanyak 705.200 orang , kemudian meningkat menjadi 791.624 orang pada tahun 2013 , sedangkan pelancong asing yang melancong pada tahun 2012 sebanyak 121 orang , berkurang menjadi 34 orang pada tahun 2013. Dalam Undang-Undang Republik Indonesia No.10 tahun 2009 bab 5 pasal 12 ayat 3 tentang pelancongan menyatakan bahawa “Kawasan Strategik pelancongan dibangunkan untuk mengambil bahagian dalam terciptanya persatuan dan kesatuan bangsa, keutuhan Negara Kesatuan Republik Indonesia serta peningkatan kesejahteraan masyarakat”. Berdasarkan Undang-Undang tersebut dapat dikatakan bahawa pembangunan pelancongan suatu negara seharusnya dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat tempatan dengan cara memberdayakan masyarakat tempatan, menjaga dan menghormati norma agama, adat istiadat, budaya dan nilai-nilai yang hidup dalam masyarakat tempatan. Pembangunan industri pelancongan akan memberi esan positif dan

negatif terhadap pertumbuhan ekonomi, pemeliharaan sumber daya alam dan juga kehidupan sosial budaya masyarakat tempatan. Menyadari hakikat ini, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan pembangunan pelancongan terhadap komuniti di Pariaman.

Pembangunan Pelancongan akan memberikan dua kesan iaitu kesan positif dan kesan negatif (Gee, 1989). Kajian kesan pelancongan muncul pada tahun 1960-an dengan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi sebagai satu bentuk pembangunan negara, diukur dari segi "Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (Jammaludin.Md, 2009. Pada tahun 1970-an melihat dan menganalisis kesan-kesan usaha pelancongan mengenai isu-isu sosial-budaya (Bryden, 1973). Kesan terhadap alam sekitar pelancongan menjadi keprihatinan pengkaji pelancongan pada 1980-an (Butler, 1980). Kajian kesan pada tahun 1990-an, pelancongan adalah integrasi atau persepaduan kesan yang ditentukan sebelumnya, yang membawa kepada peralihan daripada "Mass Pelancongan" kepada "Pelancongan Mampan" dalam bentuk Eco-pelancongan, pelancongan warisan, dan masyarakat pelancongan (Jurowski, Uysal, & Williams, 1997). Kebanyakan sarjana menyatakan bahawa penduduk merasakan bahawa pelancongan membantu ekonomi (Ritchie, 1988), iaitu pelancongan meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan dan juga dapat mempengaruhi kualiti hidup penduduk (J . Hamza h, A. Habibah, K.Z dan Nur Atiqah, 2013). Selain itu, pelancongan dapat membantu menjana peluang pekerjaan (Milman dan Pizam, 1987). Secara keseluruhannya pembangunan pelancongan dapat memberikan impak positif kepada aspek ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar (Suhaya Samad, 2013).

Kerangka Kerja

Kajian ini melihat kesan pelancongan terhadap komuniti berdasarkan pendekatan "Sustainable Livelihood For Tourism" (SLFT). SLFT boleh digunakan untuk melihat keseimbangan antara kesan-kesan ini untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat tempatan. Pendekatan ini menyesuaikan daripada DFID (1999) iaitu menyuaikan rangka kerja "Sustainable Livelihood" agar sesuai dengan konteks pelancongan dengan cara menambahkan komponen dan aspek institusi (I) dalam rangka "Sustainable Livelihood" Pendekatan ini disesuaikan oleh Fujun Shen pada tahun 2009. Fujun Shen (2009) menyatakan aset yang terdapat dalam SLFT terdiri daripada aset manusia, sosial, semula jadi, ekonomi dan institusi. Semua aset tersebut ditunjukkan di RAJAH 1.

Aset manusia yang diwakili oleh pengetahuan, pendidikan, keupayan untuk bekerja dan kesihatan yang baik dapat mempengaruhi kelanjutan kelestarian kehidupan. Aset sosial merupakan suatu aset yang berhubungan dengan interaksi komuniti dalam kehidupan sehari-hari. Aset semula jadi pula merangkumi stok semula jadi yang dapat membantu masyarakat dalam meningkatkan pendapatan mereka. Aset ekonomi merupakan penggabungan antara aset kewangan dan fizikal yang sebelumnya diutarakan oleh Scoones (1998) dan DFID (1999). Aset ini ditakrifkan sebagai infrastruktur asas, barangan keluaran dan sumber kewangan yang digunakan orang untuk mencapai matlamat kehidupan mereka. Manakala aset institusi merupakan aset tambahan yang telah diubahsuai oleh Shen (2009) dan ditakrifkan sebagai sejauh mana komuniti terlibat dalam pengurusan pelancongan. Jika dilihat pada RAJAH 1, dalam konteks pelancongan elemen-elemen seperti pelancong, kerajaan pusat, kerajaan daerah, NGO, agensi pelancongan dan komuniti atau masyarakat tempatan mempunyai peranan yang sangat penting untuk memastikan pelancongan tersebut berjalan dengan harmoni. Selain itu juga, faktor keselamatan menjadi juga hal yang utama

dalam pelancongan. Semua aset yang dibincangkan dapat mencapai matlamat apabila dapat mengatasi kelemahan seperti kelemahan keselamatan suatu kawasan pelancongan.

Sorotan Kajian

Pelancongan mungkin mempunyai banyak kesan yang berbeza pada aspek-aspek sosial dan budaya hidup di suatu kawasan atau kawasan tertentu, bergantung kepada kekuatan budaya dan agama pada kawasan itu sendiri. Interaksi antara pelancong dan masyarakat tuan rumah atau masyarakat tempatan boleh menjadi salah satu faktor yang boleh menjejaskan masyarakat dari segi adat dan tradisi, namun ianya juga dapat memberi kesan positif. Kesan positif itu berupa memberikan kesedaran kepada masyarakat tempatan betapa pentingnya melestarikan dan menjaga kebudayaan mereka.

Tej Vir Singh (1989) dalam kajiannya mendapati kedua-dua impak positif dan negatif boleh berlaku akibat pembangunan pelancongan. Salah satu daripada impak positif adalah dari sudut fizikal di mana tempat-tempat yang berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan telah dibangunkan. Selain itu, industri pelancongan juga telah membawa kesedaran ekologi kepada penduduknya di samping dapat meningkatkan tahap penjagaan kebersihan dan keindahan alam sekitar. Manakala impak fizikal yang negatif pula berlaku apabila pembangunan pelancongan telah membawa kepada pencemaran air, udara dan bunyi. Pengkaji juga mendapati bahawa pembangunan pelancongan turut menjejaskan flora dan fauna akibat penerokaan haram.

Menurut Norlida Hanim (2013) telah membuat kajian mengenai “Sustainable Livelihood and Community Perception of Tourism Development: A Case Study of Langkawi Island, Malaysia” yang menilai tahap kehidupan kelestari masyarakat dan persepsi mereka mengenai kesan pembangunan pelancongan di Pulau Langkawi. Kajian ini menjelaskan pembangunan pelancongan di Pulau Langkawi memberi manfaat kepada komuniti dari segi aset manusia, kewangan, fizikal dan sosial. Persepsi komuniti juga menyatakan bahawa pembangunan pelancongan dapat meningkatkan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar Pulau Langkawi.

Candra Fandi (2014) yang mengkaji tentang “Analysis of Sustainable Tourism Livelihoods in Batu (East Java, Indonesia)”. Kajian ini mendapati bahawa pelancongan dapat mewujudkan lapangan pekerjaan baru, meningkatkan kualiti infrastruktur (jalan raya, air, elektrik dan pengangkutan awam), meningkatkan fenomena sosial di kalangan penduduk tempatan dan pembangunan pelancongan telah membuat masyarakat sedar bahawa mereka harus terlibat dan mengambil bahagian dalam pengurusan pelancongan untuk menjaga pendapatan.

Melanie K. Smith (2003) menegaskan bahawa pelancongan boleh mengubah keadaan sosial sama ada masyarakat tempatan mahupun pelancong. Di sesetengah negara yang mempunyai pelancongan bermusim seperti di Greece dan Turki, penduduk tempatan akan tinggal berlainan tempat iaitu mereka akan berada dikawasan tarikan pelancong untuk bekerja ketika musim panas dan pulang ke rumah apabila tiba musim salji. Ini bermakna ia telah mengubah corak hidup masyarakat terbabit dari segi kedudukan kediaman di mana ia berbeza mengikut musim tertentu. Terdapat juga kebimbangan terhadap budaya penduduk tempatan yang mungkin diserap oleh pelancong yang datang. Selain itu, penduduk tempatan akan mempelajari bahasa asing supaya mereka boleh berkomunikasi dengan pelancong. Walau

bagaimanapun adakalanya penduduk tempatan akan meniru gaya pelancong dari segi makanan, minuman dan pakaian.

Suhaya Samad (2013) melakukan kajian di Pulau Langkawi mengenai kesan pembangunan industri pelancongan terhadap komuniti. Kajian ini bertujuan mengenal pasti impak pembangunan industri pelancongan kepada penduduk di sekitar Pulau Langkawi. Impak pembangunan industri tersebut yang memfokuskan kepada aspek ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Kesan kepada aspek ekonomi iaitu meningkatkan pendapatan penduduk tempatan kerana peluang pekerjaan yang disediakan semakin meningkat terutamanya yang melibatkan sektor perniagaan dan pelancongan. Namun, perkembangan ini memberikan impak yang negatif kepada beberapa aspek seperti berlaku peningkatan kepada sewaan rumah dan harga tanah di kawasan Pulau Langkawi. Manakala kesan kepada aspek menunjukkan perkembangan industri pelancongan telah mengubah cara hidup masyarakat dari segi hubungan kemasyarakatan dan tahap kepercayaan dalam kalangan masyarakat sekeliling. Perubahan yang berlaku berbentuk negatif. Kesan kepada aspek budaya iaitu menunjukkan nilai kebudayaan dalam kalangan masyarakat tempatan semakin meningkat. Ini disebabkan oleh penggalakkan aktiviti yang berbentuk kebudayaan dan kesenian oleh pelbagai pihak. Kesan yang terakhir iaitu kesan kepada aspek alam sekitar adalah secara keseluruhan perkembangan industri pelancongan di Pulau Langkawi telah membantu dalam menjaga alam semulajadi seperti hutan dan binatang yang dilindungi yang semakin pupus. Tetapi pembangunan Pulau Langkawi yang semakin membangun menimbulkan berlakunya kesesakan lalu lintas.

Daripada kajian lepas jelas dapat dilihat bahawa pembangunan pelancongan disuatu tempat dapat membawa kesan positif mahupun negatif. Kesan-kesan ini dapat mempengaruhi ekonomi, alam sekitar, sosial dan budaya masyarakat tempatan. Oleh sebab itu, kertas ini bertujuan untuk melihat dan meninjau kesan pembangunan industri pelancongan terhadap komuniti di Pariaman berdasarkan pendekatan SLFT sebagaimana yang telah dibincangkan di awal kajian.

Metodologi

Metode analisis dalam kajian ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif dengan cara melakukan survei atau soal selidik, temubual dan kajian pemerhati. Sebanyak 135 soal selidik diedarkan kepada masyarakat tempatan. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik. Bahagian pertama mengenai latar belakang responden manakala bahagian kedua mengenai maklumat kesan pelancongan terhadap masyarakat tempatan berdasarkan pendekatan Sustainable Livelihood for Tourism (aset manusia, sosial, ekonomi, semulajadi dan institusi). Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada masyarakat yang duduk dikawasan pelancongan. Semua data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistic Package of Social Science (SPSS). Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis taburan kekerapan dan peratusan.

Lokasi Kajian

Kajian ini memberi tumpuan terhadap komuniti yang duduk di kawasan pelancongan di Pariaman. Pariaman merupakan wilayah pecahan dari Padang Pariaman yang terbentuk

berdasarkan Undang-undang No. 12 Tahun 2002. Secara geografi Kota Pariaman terletak di pantai barat pulau Sumatera dan berhadapan langsung dengan Samudera Indonesia. Kota Pariaman pada sebelah utara, selatan, timur bersempadan langsung dengan Padang Pariaman dan disebelah barat bersempadan langsung dengan lautan Indonesia. Pariaman terletak di antara $100^{\circ} 33' 00'' - 00^{\circ} 40' 43''$ Lintang Selatan dan $100^{\circ} 04' 46'' - 100^{\circ} 00' 00''$ dengan panjang garis pantai adalah 12.7 kilometer. Jumlah kawasan perbandaran ini adalah 0,17 peratus daripada jumlah kawasan Sumatera Barat. Pariaman terdiri daripada 4 (empat) daerah, daerah Pariaman Selatan, Pariaman Tengah, Pariaman Utara dan Pariaman Timur. Daerah Pariaman Utara merupakan kawasan yang paling luas, iaitu 23,35 km persegi; selepas itu Pariaman Timur dengan kawasan seluas 17,51 kilometer persegi; Pariaman Selatan dengan luas 16,82 kilometer persegi dan Pariaman Tengah mempunyai luas yang paling kecil iaitu 151,68 kilometer persegi. Pada tahun 2013, jumlah populasi di Pariaman adalah sebanyak 82,636 orang. Populasi terbanyak berada di Kecamatan Pariaman Tengah iaitu 29,827 orang.

Hasil Kajian

Latar Belakang Responden

Latar belakang responden dalam kajian ini ditunjukkan oleh jadual 1. Daripada jadual didapati bilangan responden dari segi jantina adalah hampir seimbang iaitu 48.1 peratus adalah perempuan dan 51.9 peratus adalah lelaki. Berdasarkan soal selidik yang sudah diberikan kepada masyarakat tempatan majoriti mereka berumur antara 26 – 35 tahun (42.2 peratus), 36 – 45 tahun (28.1 peratus), 15 – 25 tahun (18.5 peratus) dan 46 tahun ke atas (11.1 peratus). Daripada keseluruhan responden, peratus untuk segi perkahwinan responden adalah hampir seimbang antara berkahwin (49.6 peratus) dan belum berkahwin (43.7 peratus). Manakala status perkahwinan duda hanya 1.5 peratus dan janda 5.2 peratus. Dari segi agama pula hampir keseluruhan responden beragama Islam (98.5 peratus) dan Kristian (1.5 peratus)

Sustainable Livelihood For Tourism

Aset Manusia

Aset manusia merangkumi aspek pendidikan, pekerjaan, kemahiran dan juga kesihatan yang masyarakat tempatan miliki. Berdasarkan Jadual 2 didapati seramai 2 orang responden (1.5 peratus) tidak bersekolah atau tidak mendapatkan pendidikan. Kebanyakan dari semua responden mendapat pendidikan sehingga Sekolah Menengah Atas (SMA) iaitu 69 responden (51.1 peratus). Hal ini disebabkan kebanyakan responden tidak mempunyai biaya untuk melanjutkan pendidikan mereka ke tingkat yang lebih tinggi. Kemudian Sekolah Menengah Pertama (SMP) 28 responden (20.7 peratus), Sarjana 14 responden (10.4), Diploma 12 orang responden (8.9 peratus). Responden yang mendapat pendidikan sehingga Sekolah Dasar adalah seramai 9 orang (6.7 peratus) dan Siswazah seramai 1 orang responden (0.7 peratus). Dari 135 responden hampir setengah responden memilik pendidikan level menengah iaitu Sekolah Menengah Atas.

Berdasarkan status pekerjaan responden, seramai 90 orang (66.7 peratus) bekerja sebagai peniaga, 16 orang (11.9 peratus) bekerja dengan pihak swasta, 12 responden (8.9 peratus) bekerja dengan kerajaan, 3 orang responden (2.2 peratus) bekerja sebagai petani. Manakala 2 orang responden (1.5 peratus) ialah pelajar, 9 orang responden (6.7 peratus) tidak bekerja dan 3 orang responden (2.2 peratus) bekerja dalam beberapa bidang pekerjaan lainnya. Kebanyakan responden bekerja sebagai peniaga disebabkan responden tinggal di kawasan pelancongan dimana mereka sedar dengan pentingnya pelancongan di Pariaman yang akan memberi kesan positif terhadap tahap kualiti hidup mereka.

Dari sudut kesihatan pula, seramai 76.3 peratus responden tidak mengalami masalah kesihatan dan 23.7 peratus mengalami masalah kesihatan. Kebanyakan responden mengalami penyakit jantung (65 peratus), darang tinggi dan kencing manis (21 peratus), denggi dan malaria (10 peratus) dan penyakit lainnya (4 peratus). Untuk mengubati pelbagai penyakit, responden lebih memilih untuk berubat ke puskesmas atau klinik swasta berbanding berubat ke hospital kerajaan. Hal ini disebabkan oleh pelayanan yang lambat dan juga pekerja hospital kerajaan yang tidak mesra dengan masyarakat.

Aset Sosial

Dalam bahagian ini, penulis membincangkan kesan pembangunan pelancongan terhadap masyarakat tempatan melalui beberapa elemen aset sosial. Elemen-elemen ini merupakan aspek penting dalam aset sosial yang mana dapat melihat kesan pembangunan pelancongan. Elemen-elemen dalam bahagian ini meliputi tingkat jenayah, penggunaan minuman beralkohol dan cara kehidupan masyarakat. Bagi pandangan responden terhadap masalah jenayah yang dibawa oleh pembangunan pelancongan, terdapat 15 responden (11.1 peratus) mengatakan bersetuju bahawa terjadi peningkatan masalah jenayah yang dibawa oleh pembangunan pelancongan. Manakala seramai 120 responden (88.9 peratus) mengatakan tidak bersetuju terjadinya peningkatan masalah jenayah di Pariaman seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 3. Walaupun terdapat responden yang bersetuju dengan kenyataan ini, tetapi kadar jenayah yang terjadi di Pariaman masih lagi rendah. Kes-kes seperti rompakan dan pembunuhan jarang berlaku di Pariaman walaupun Pariaman sekarang ini sudah ramai dikunjungi oleh pelancong. Ini menunjukkan Pariaman senantiasa selamat untuk dikunjungi.

Berdasarkan hasil analisis pada Jadual 3, didapati bahawa sebanyak 36 responden (26.7 peratus) menyatakan terjadi peningkatan penggunaan minuman beralkohol di Pariaman dan 99 responden (73.3 peratus) menyatakan tidak terjadi peningkatan penggunaan minuman beralkohol di Pariaman. Pembangunan pelancongan di Pariaman tidak hanya membawa kesan positif terhadap masyarakat tempatan tetapi juga kesan negatif. Walaupun kebanyakan responden mengatakan tidak terjadi peningkatan dalam masalah ini, tetapi berdasarkan temubual dengan masyarakat tempatan yang tinggal di kawasan pelancongan mengatakan bahawa penggunaan minuman beralkohol sudah meningkat walaupun tidak terlalu terlihat khususnya di kawasan pantai. Dari sudut kehidupan masyarakat mengalami perubahan dalam pemikiran mereka, responden berpendapat bahawa pelancongan dapat meningkatkan kualiti hidup mereka.

Aset Ekonomi

Daripada sudut ekonomi pula, kajian ini meneliti pendapatan isirumah, sumber pendapatan dan pemilikan harta masyarakat tempatan. Dari 135 responden terdapat 9 responden (6.7 peratus) yang tidak memberikan tindak balas terhadap persoalan ini. Terdapat 43 peratus responden berpendapatan bulanan 1-2 juta Rupiah, 30.4 peratus responden berpendapatan di antara 2 – 4 juta Rupiah, 7.4 peratus responden berpendapatan isi rumah di antara 4 – 6 juta Rupiah, 6.7 peratus peratus berpendapatan 6 juta Rupiah ke atas dan 5.9 peratus responden berpendapatan sebanyak 1 juta Rupiah ke bawah. Manakala sumber pendapatan responden diperoleh daripada 69.6 peratus pekerjaan utama, 23 peratus pendapatan utama dan sampingan, 5.2 peratus pekerjaan sampingan, 0.7 peratus pemberian anak-anak dan 1.5 peratus diperoleh daripada pekerjaan lainnya. Dari segi pemilikan harta pengangkutan, kebanyakan responden mempunyai harta pengangkutan sendiri seperti motosikal 131 buah, kereta 7 buah dan van 4 buah. Pengangkutan sendiri seperti motosikal sudah menjadi keperluan asas pada zaman kini bagi memudahkan pergerakan responden seperti pergi bekerja, ke sekolah, hospital dan sebagainya. Pembangunan pelancongan membawa peningkatan dalam pemilikan harta pengangkutan masyarakat tempatan.

Selajutnya seramai 76.3% responden menyatakan pembangunan pelancongan telah memberi kesan kepada peningkatan terhadap peluang pekerjaan. Selepas pembangunan pelancongan, ramai masyarakat tempatan berniaga di kawasan pelancongan dan juga ramai nelayan yang mengubahsuai bot pencari ikan mereka menjadi bot pengangkutan untuk mengangkut pelancong dari jeti ke pulau-pulau yang ada di Pariaman. Dengan peningkatan peluang pekerjaan, seramai 88.9% responden menyatakan perekonomian mereka semakin meningkat.

Aset Semulajadi

Dari sudut aset semulajadi pula kajian ini meneliti tentang status rumah atau tanah yang diduduki dan persepsi responden terhadap aset semulajadi yang ada di Pariaman. Terdapat seramai 59.3% responden tinggal di rumah keluarga, 28.9% menduduki rumah sendiri, 12.6% menduduki rumah sewa dan 2.2% menumpang dengan saudaramara. Dari segi persepsi responden tentang pentingnya sumber semulajadi seramai 91.9% menyatakan bahawa sumber semula jadi merupakan sumber yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat tempatan. Masyarakat tempatan sangat bergantung kepada aset semulajadi seperti laut dan hutan, kerana aset inilah yang menjadi sumber pencaharian bagi mereka.

Aset Institusi

Aset institusi merupakan aset yang penting dalam pembangunan pelancongan. Dalam aset institusi ini mempunyai elemen-elemen yang sangat penting iaitu keterlibatan masyarakat terhadap pelancongan, kesedaran masyarakat tentang pelancongan dan proses membuat keputusan dalam pembangunan pelancongan. Merujuk pada jadual 6 didapati bahawa seramai 105 responden (77.8 peratus) menyatakan bahawa mereka sedar dengan betapa pentingnya pembangunan pelancongan. Responden menganggap bahawa pelancongan dapat meningkatkan lapangan pekerjaan dan juga dengan ramainya pelancong yang berkunjung ke Pariaman akan menambah pendapatan para peniaga yang meniaga di kawasan pelancongan. Walau bagaimanapun terdapat juga responden yang tidak sedar betapa pentingnya pelancongan iaitu seramai 30 responden (22.2 peratus). Berdasarkan temubual yang sudah

dijalankan, mereka menganggap bahawa pembangunan pelancongan hanya akan memberi keuntungan kepada pihak kerajaan dan instansi yang terkait sahaja.

Pelancongan tidak akan berjalan dengan baik apabila penglibatan dari masyarakat tempatan kurang. Seramai 84 responden (62.2 peratus) menyatakan bahawa mereka terlibat dalam pelancongan dan dapat mempengaruhi dalam pembangunan pelancongan di Pariaman. Manakala komunikasi pihak kerajaan dengan masyarakat tempatan masih lagi pada taraf yang standard. Seramai 51.1% responden menyatakan terdapat komunikasi yang baik antara pihak kerajaan dengan masyarakat tempatan, manakala 48.9% responden menyatakan tidak ada komunikasi antara pihak kerajaan dengan masyarakat tempatan.

Kesimpulan dan Implikasi Dasar

Secara keseluruhan, jelas didapati bahawa pembangunan pelancongan di Pariaman telah membawa banyak kesan positif kepada masyarakat tempatan, khususnya masyarakat yang tinggal di kawasan pelancongan. Kesan pembangunan pelancongan dilihat dalam 5 aset yang sudah dilakukan iaitu aset manusia, aset sosial, aset ekonomi, aset semulajadi dan aset institusi. Berdasarkan kesan terhadap aset manusia, responden menyatakan bahawa aspek pendidikan berlaku kemajuan. Seramai 51.1 responden telah menerima pendidikan sehingga Sekolah Menengah Atas. Bagaimanapun, responden yang mempunyai pendidikan sehingga Sarjana masih lagi rendah iaitu pada kadar 10.4%. Meningkatkan pencapaian pendidikan untuk setiap masyarakat di Pariaman harus menjadi perhatian lebih, kerana dengan tingkat pendidikan yang tinggi ianya juga dapat memberikan kemahiran yang tinggi. Kemahiran yang dimiliki oleh masyarakat tempatan dapat digunakan untuk membantu pembangunan pelancongan di Pariaman. Dari segi aset sosial, aset ini meliputi tingkat jenayah dan tingkat penggunaan minuman beralkohol. Hanya beberapa responden yang menyatakan tingkat jenayah meningkat selepas pembangunan pelancongan (11.1%). Manakala untuk penggunaan minuman beralkohol terjadi peningkatan, seramai 73.3% responden berpendapat pembangunan pelancongan membawa kepada peningkatan minuman beralkohol. Secara keseluruhan kesan pelancongan terhadap aset sosial telah mengubah cara hidup masyarakat tempatan dan terdapat banyak perubahan gaya hidup yang negatif.

Manakala dari aset ekonomi, kebanyakan responden menyatakan pembangunan pelancongan dapat meningkatkan peluang pekerjaan yang membawa manfaat kepada perekonomian mereka. Selanjutnya aset semulajadi, ramai responden yang tidak memiliki aset semulajadi seperti tanah. Masyarakat tempatan sangat bergantung kepada sumber-sumber semula jadi seperti hutan dan laut sebagai sumber pencaharian mereka. Dari segi aset institusi pula seramai 77.8% responden menyatakan mereka sedar terhadap betapa pentingnya pembangunan pelancongan. Tidak hanya itu masyarakat yang terlibat dalam pelancongan juga semakin meningkat, tetapi dari segi komunikasi pihak kerajaan dengan masyarakat tempatan perlu ditingkatkan lagi demi tercapainya pembangunan pelancongan yang lestari. Untuk meningkatkan lagi kesan pembangunan pelancongan yang positif, pihak kerajaan dan agensi-agensi pelancongan yang terlibat harus terus bekerjasama dalam memperhatikan pembangunan pelancongan yang ada di Pariaman.

Rujukan

- Anton Martopo. (2012). Kajian Tingkat Penghidupan Berkelanjutan (Sustainable Livelihood) Di Kawasan Dieng. *Prosiding Seminar Nasional Pengelolaan Sumber Daya Alam dan Lingkungan*
- BPS. (2015). Perkembangan Pariwisata dan Transportasi Nasional Juli 2015. Indonesia.
- BPS Pariaman. (2013). Pariaman Dalam Angka 2013
- Bryden, J.M. (1973). Tourism and development: a case study of the Commonwealth Caribbean, London: *Cambridge University Press*
- Candra Fandi Ananda. (2014). Analysis of Sustainable Tourism Livelihoods in Batu (East Java, Indonesia): SLFT Approach (Sustainable Livelihood Framework for Tourism). *Journal of Economics and Sustainable Development* ISSN 2222-1700.
- DFID. (1999). Sustainable Livelihoods Guidance Sheets. London. UK: DFID
- Dinas Tata Ruang Kota Pariaman. (2007). Pariaman
- Fujun Shen. (2009). Tourism and the Sustainable Livelihoods Approach: Application within the Chinese context. *Tesis Dr.Fal, Lincoln University*.
- Gee, C. Y. (1989). The Travel Industry. New York: *Van Nostrand Reinhold*.
- George McIntyre. (1993). Sustainable Tourism Development : Guide for Local Planners Indonesia. (2009). *Undang-Undang Kepariwisataaan*. (No.10).
- Jamaluddin Md. Jahi. (2009). Pembangunan Pelancongan Dan Impaknya Terhadap Persekitaran Fizikal Pinggir Pantai. *Malaysian Journal Of Environmental Management* 10(2) (2009): 71-88
- Jurowski, C., Uysal, M. & Williams D. R. (1997), A theoretical analysis of host community resident reactions to tourism. *Journal of Travel Research*, 36(2), 3-11
- Kollmair, M & Gamper, St. (2002). The Sustainable Livelihood Approach. *University of Zurich : Development Study Group*
- Kollmair, M. & Gamper, St. (2002): The Sustainable Livelihood Approach. Input Paper for the Integrated Training Course of NCCR North-South. *Development Study Group. University of Zurich*.
- Krannich, Helen Berry & Thomas Greider. (1989). Fear of crime in rapidly changing rural communities: A longitudinal analysis. *Rural Sociology* 195-212
- Melanie K. Smith. (2003). Issues in Cultural Tourism Studies. Great Britain. *TJ International Ltd*.
- Milman, A., & Pizam, A. (1988). Social impacts of tourism on central Florida. *Annals of Tourism Research*, 15, 191-204.
- Norlida Hanim, Redzhan Othman & Siti Hajar. (2014). Development of Tourism Industry and Its Impact on Langkawi Island Community. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 48(2), 2014 71 – 82
- Norlida Hanim, Abdul Hamid & Doris Padmini Selvaratnam. (2013). The Effects Of Tourism Development Towards Livelihood Sustainability Of The Orang Asli At The Kg.Sg. Ruil, Cameron Highlands. *An International Multidisciplinary Journal Of Tourism* 8(2):301-312
- R.W, Butler. (1980). The concept of the tourist area life-cycle of evolution: implications for management of resources. *Canadian Geographer* 24 (1)
- Ritchie, J. R. B. (1988). Consensus policy formulation in tourism: measuring resident views via survey research. *Tourism Management*, 9(3), 199- 212
- Scoones, I. (1998). Sustainable Rural Livelihoods : A Framework for Analysis. Brighton. *IDS Working Paper*. No. 72.
- Suhaya Samad, Md Shafiin & Norlida Hanim. (2013). Impak Pembangunan Industri


Pelancongan Kepada Komuniti di Pulau Langkawi. *Prosiding Perkem VIII*, Jilid 1 (2013) 207 – 216.

Tej Vir Singh. (1989). *The Kulu Valley: Impact of Tourism Development in The Mountain areas*. New Delhi. Himalayan Books.


World Tourism Organization. (1995). *Technical Manual: Collection of Tourism Expenditure Statistics*.

World Tourism Organization. (2014). *Technical Manual: Collection of Tourism Expenditure Statistics*.

RAJAH 1 : Kerangka Konsep Kelestarian Kehidupan Pelancongan



RAJAH 2 : Lokasi Kajian



HASIL KAJIAN LAPANGAN

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Jadual 1 : Latar Belakang Responden Tempatan

Latar Belakang Responden		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	70	51.9
	Perempuan	65	48.1
Umur	15 – 25 Tahun	25	18.5
	26 – 35 Tahun	57	42.2
	36 – 45 Tahun	38	28.1
	> 46 Tahun	15	11.1
Status Perkahwinan	Berkahwin	67	49.6
	Belum Berkahwin	59	43.7
	Duda	2	1.5
	Janda	7	5.2
Agama	Islam	133	98.5
	Kristian	2	1.5

ASET MANUSIA

Jadual 2 : Tahap Pendidikan, Jenis Pekerjaan dan Tahap Kesihatan Responden


a. Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Tidak Sekolah	2	1.5
Sekolah Dasar (SD)	9	6.7
Sekolah Menengah Pertama (SMP)	28	20.7
Sekolah Menengah Atas (SMA)	69	51.1
Sarjana Muda/Diploma	12	8.9
Sarjana (S1)	14	10.4
Siswazah(S2)	1	0.7

b. Jenis Pekerjaan

Pekerjaan Utama	Kekerapan	Peratus
Tiada Pekerjaan	9	6.7
Petani/Peternak	3	2.2
Peniaga	90	66.7
Pegawai Negeri Sipil (Pegawai Kerajaan)	12	8.9
Pegawai Swasta	16	11.9
Pelajar/Mahasiswa	2	1.5
Lainnya	3	2.2

c. Tahap Kesihatan



ASET SOSIAL

Jadual 3 : Tingkat Jenayah dan Tingkat Penggunaan Minuman Beralkohol

Masalah	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Peningkatan dalam masalah jenayah	15	11.1	120	88.9
Peningkatan dalam masalah penggunaan minuman beralkohol	36	26.7	99	73.3

ASET EKONOMI

Jadual 4 : Tingkat Pendapatan, Sumber Pendapatan, Pemilikan Harta dan Persepsi Responden Terhadap Kesan Pembangunan Pelancongan


a. Tingkat Pendapatan Responden

Jumlah Pendapatan	Kekerapan	Peratus
Di bawah 1 Juta Rupiah	8	5.9
1 – 2 Juta Rupiah	58	43
2 – 4 Juta Rupiah	41	30.4
4 – 6 Juta Rupiah	10	7.4
Di atas 6 Juta Rupiah	9	6.7
Tidak Menjawab	9	6.7

b. Sumber Pendapatan Responden

Sumber Pendapatan	Kekerapan	Peratus
Pekerjaan Utama	94	69.6
Pekerjaan Sampingan	7	5.2
Pemberian anak-anak	1	0.7
Pendapatan Utama dan Sampingan	31	23
Lainnya	2	1.5

c. Pemilikan Harta



Pelancongan

d. Persepsi Responden Terhadap Kesan

Masalah	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Pembangunan Pelancongan Membawa Manfaat Kepada Perekonomian Anda?	120	88.9	15	11.1
Pembangunan Pelancongan Menciptakan Banyak Peluang Pekerjaan?	103	76.3	32	23.7

ASET SEMULAJADI

Jadual 5 : Persepsi Responden Terhadap Sumber Semulajadi dan Status Pemilikan Rumah Responden

a. Persepsi Responden Terhadap Sumber Semulajadi

	Peranan Sumber Semulajadi (%)
Ya	91.9
Tidak	8.1

b. Status Pemilikan Rumah

Status Rumah	Kekerapan	Peratus
Milik Sendiri	39	28.9
Milik Keluarga	76	56.3
Sewa	17	12.6
Menumpang	3	2.2

ASET INSTITUSI

Jadual 6 : Kesedaran Responden, Penglibatan Responden Dalam Pelancongan dan Penglibatan Responden Dalam Pelancongan

Masalah	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kesedaran Responden	105	77.8	30	22.2
Penglibatan Responden Dalam Pelancongan	84	62.2	51	37.8
Komunikasi Kerajaan Dengan Masyarakat Dalam Pembangunan Pelancongan	69	51.1	66	48.1